

Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Abdullah Bin Sulong & Norliza Binti Ahmad

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk melihat kesedaran menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat. Sampel kajian terdiri daripada 141 orang pelajar dari 150 pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik berasaskan kepada Skala Likert. Penyelidik membuat analisis data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows*. versi 14.0 bagi memperoleh kekerapan, peratus dan min. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.835. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar terhadap kewajipan menutup aurat adalah berada pada tahap sangat tinggi iaitu 4.53 min. Manakala pengetahuan menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.31 min. dan bagi melihat amalan menutup aurat dalam kalangan berada pada tahap tinggi iaitu 3.82 min. Oleh yang demikian, penyelidik telah memberi beberapa cadangan dikemukakan bagi membantu para pelajar mempertingkatkan kesedaran menutup aurat dalam kalangan mereka.

Katakunci : menutup aurat

Pengenalan

Umat Islam adalah golongan yang mempunyai kedudukan atau darjat yang tinggi dan mulia di sisi Allah S.W.T. Oleh itu, mereka tidak boleh menjadi manusia yang rendah taraf dan hendaklah menjadikan Rasul sebagai contoh dan ikutan sepanjang masa. Terdapat segelintir manusia yang tidak menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup. Golongan ini akan terjerumus ke lembah kehinaan. Bagi mengembalikan kemuliaan tersebut, maka mereka hendaklah mengikuti segala panduan yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Agama Islam menggariskan satu panduan kepada umatnya untuk membezakan diri mereka dengan orang-orang bukan Islam, sama ada dalam adat, ibadat dan peribadi malah dalam apa jua bidang kehidupan. Allah S.W.T memerintahkan umat Islam menutup aurat untuk menghindarkan mereka daripada mendapat dosa. Firman Allah S.W.T:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

[Quran 1.1] Maksudnya: 'Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka'.

(Surah al-Nur : 31)

Sekiranya seorang wanita muslimah menunjukkan ketrampilan yang baik mereka akan disayangi, dihormati serta disanjung oleh masyarakat. Apabila disebut tentang ketrampilan diri, maka akal akan terfikir cara pemakaian seseorang, sama ada mengikut tuntutan Islam ataupun tidak. Hal ini adalah kerana masyarakat sekeliling akan menilai seseorang muslim melalui penglihatan secara zahariah terlebih dahulu (Md Izuddin bin Ali 2007: 23).

Pernyataan Masalah

Pada hari ini, masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia adalah berkaitan dengan cara pemakaian mereka. Mereka memakai pakaian yang menutup aurat adalah disebabkan peraturan dan etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Seandainya, tersebut tidak dilaksanakan, nescaya mereka bebas untuk memakai pakaian yang ketat dan nipis ketika pergi ke kuliah. Terdapat sebilangan kecil dari mereka masih keliru tentang kewajipan menutup aurat. Mereka beranggapan bahawa memadai dengan hanya memakai pakaian yang ringkas asalkan menutup aurat. Maka, sekaligus mereka telah melaksanakan tanggungjawab yang dikehendaki syariat Islam.

Dalam erti kata lain, masih ramai dalam kalangan pelajar Islam yang mengabaikan prinsip-prinsip menutup aurat dan mengatakan perkara tersebut sesuatu yang meremehkan. Sebahagian pelajar mengetahui prinsip-prinsip menutup aurat tetapi tidak mahu mengamalkannya dan terdapat juga di antara pelajar tersebut tidak mengetahui langsung tentang prinsip menutup aurat dalam Islam. Kebanyakan pelajar menutup aurat semata-mata untuk menzahirkan diri sebagai orang Islam tetapi bukan kerana tuntutan syarak yang diwajibkan ke atas mereka. Hal ini berpunca dari latar belakang keluarga yang tidak menitik beratkan pemakaian cara Islam yang sebenarnya.

Terdapat segelintir mahasiswi Islam yang menutup aurat mempunyai sikap dan tingkahlaku yang tidak disenangi masyarakat sehingga menyebabkan sebahagian besar mahasiswi Islam yang lain di pandang serong oleh golongan yang tidak menutup aurat. Jika diperhatikan cara pemakaian mereka, didapati tidak memenuhi syarat menutup aurat. Contohnya, memakai tudung dengan baju lengan pendek atau baju yang ketat.

Oleh yang demikian, permasalahan ini telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai "*Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*". Ini kerana pelajar merupakan generasi yang akan mendidik anak bangsa supaya menjadi seorang yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi, pengetahuan dan amalan mereka dalam menutup aurat.

Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut :

1. Untuk melihat persepsi pelajar terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
2. Untuk melihat pengetahuan tuntutan menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
3. Untuk melihat amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat. Antara kepentingan kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu :

1. Kajian ini dilakukan bagi membolehkan pihak-pihak yang berkuasa mengadakan program yang berunsurkan keagamaan terhadap semua pelajar dan kaki tangan Universiti Teknologi Malaysia.
2. Kajian ini membolehkan ibu bapa melakukan pengawasan terhadap anaknya supaya tidak terpengaruh dengan persekitaran.
3. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran terhadap diri individu itu sendiri.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan kaedah berbentuk deskriptif bertujuan untuk mengumpulkan maklumat terperinci dan mengkaji tentang kesedaran menutup aurat dalam kalangan pelajar. Kajian deskriptif merupakan kajian berbentuk tinjauan serta menggunakan kaedah soal selidik dalam memperolehi data bagi melihat peratusan, min, dan kekerapan.

Kaedah soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Melalui penggunaan soal selidik dapat menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan jika dibandingkan dengan instrumen kajian yang lain. Setiap soalan soal selidik mengandungi arahan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua maklumat yang diperolehi akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan dianalisis secara kuantitatif.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor yang terdiri daripada 141 orang pelajar dari 150 pelajar di Fakulti Pendidikan yang mengambil kursus Sains serta Pendidikan Tesl (SPL), Sains serta Pendidikan Sains (SPN), Sains serta Pendidikan Kimia (SPC), Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH) dan Sains serta Pendidikan Matematik (SPM). Sampel yang terlibat bagi kajian ini dapat dilihat berdasarkan jadual 1 di bawah :

Jadual 1: Jumlah sampel pelajar tahun empat di Fakulti Pendidikan.

BIL	KURSUS	BIL.PELAJAR
1	SPH (Kemahiran Hidup)	49
2	SPL (Tesl)	29
3	SPC (Kimia)	25
4	SPM (Matematik)	20
5	SPN (Sains)	18
	JUMLAH	141

Penyelidik menggunakan sebahagian daripada populasi sebagai sampel kajian dan pemilihan ini merupakan sampel tak rawak dan bertujuan. Tambahan lagi, rasional pemilihan sebahagian daripada populasi ini adalah kerana terdapat ciri-ciri yang boleh dikaji dalam kumpulan pelajar tersebut.

Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan set soal selidik. Set soal selidik ini merupakan alat untuk mengumpul data bagi penyelidik. Oleh itu, bagi satu-satu kajian, satu soal selidik yang sama hendaklah digunakan untuk semua responden bertujuan bagi memastikan keseragaman bagi membolehkan pemprosesan data melalui komputer di mana setiap soalan dikemukakan mengikut urutan yang sama.

Soal selidik ini dibentuk oleh penyelidik sendiri berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Soal selidik ini juga mempunyai dua bahagian iaitu terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi beberapa soalan mengenai maklumat diri pelajar. Manakala Bahagian B, C, dan D dengan berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian iaitu untuk melihat persepsi, pengetahuan serta melihat amalan menutup aurat dalam kalangan pelajar.

Jadual 2: Maklumat setiap bahagian

BAHAGIAN	JENIS MAKLUMAT
A	Latar belakang responden.
B	Persepsi pelajar terhadap kewajipan menutup aurat
C	Melihat pengetahuan tuntutan menutup aurat
D	Melihat amalan menutup aurat

Pada bahagian A responden hanya menandakan salah satu pada pilihan jawapan dan mengisi tempat kosong. Tetapi bahagian B, C, dan D penyelidik telah menggunakan kaedah skala *Likert*, iaitu responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan yang diberikan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2003: 97). Dalam bahagian ini juga, responden dikehendaki menandakan jawapan berpandukan kepada skala dalam jadual 3 :

Jadual 3: Pengkelasan skala Likert

	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
Skor	1	2	3	4	5

Kesemua data yang diperolehi daripada soal selidik ini dianalisis secara deskriptif bagi menjawab semua objektif.

Kajian Rintis

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis terhadap 10 orang pelajar Fakulti Pendidikan yang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus Sains dan Komputer serta Pendidikan Kimia (SPK). Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Kajian rintis yang dilakukan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan soal-selidik yang hendak digunakan oleh

penyelidik. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal-selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Nilai alpha bagi kajian rintis ini adalah 0.835.

Analisis Keseluruhan

Rumusan di dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada analisis data bagi bahagian B. Min keseluruhan dapat diterangkan seperti berikut bagi keseluruhan konstruk item:

Jadual 4 : Nilai min bagi keseluruhan konstruk item

Konstruk	Nilai Min
1. Persepsi pelajar terhadap kewajipan menutup aurat	4.31
2. Pengetahuan menutup aurat	4.53
3. Amalan menutup aurat	3.82

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk persepsi terhadap kewajipan aurat menutup adalah 4.31. Konsturk mengetahui tuntutan menutup aurat pula ialah 4.53 dan bagi yang terakhir sekali iaitu melihat amalan menutup aurat ialah 3.82.

Perbincangan

Merujuk kepada hasil kajian yang telah dijalankan mendapati seramai 99.3% responden menyatakan bahawa keperibadian saya akan terbentuk sekiranya saya menutup aurat dengan mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh Islam. Seramai 65.9% responden menyatakan muslimah yang menutup aurat adalah muslimah yang baik dan seramai 86.1%. responden pula mengatakan bahawa muslimah akan bertambah maju ke hadapan sekiranya mereka menutup aurat dengan sempurna. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Nor Azliza bt Shariff (2005) yang bertajuk "*Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat : Satu Kajian Ke Atas Pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*" (2005), Oleh itu, mereka tidak sepatutnya menjadi orang lain yang rendah taraf dan nilainya di sisi Allah S.W.T dan Rasul dijadikan ikutan.

Seramai 99.3% responden bersetuju dengan item Allah S.W.T. akan member keredhaan dan kerahmatan kepada muslimah yang menutup aurat. Seramai 98.5% daripada mereka mengatakan bahawa menutup aurat bukanlah sesuatu yang membebankan bagi seseorang muslimah. Ini jelas menunjukkan bahawa menutup aurat bukanlah kewajipan yang menyusahkan setiap muslimah. Mereka hanya dituntut untuk memakai pakaian mengikut ciri-ciri keislaman. Dapatan ini disokong kajian yang dijalankan oleh Nor Azliza bt Shariff yang bertajuk "*Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat : Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*" (2005), yang mengatakan bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah merupakan tujuan utama syariat Islam untuk kebaikan umat Islam sendiri dan bukan untuk membebankan mereka. Sebagai contohnya, menutup aurat ini bertujuan untuk mengelakkan wanita dari sebarang gejala yang tidak sihat serta dilihat oleh mata-mata lelaki yang jahat.

Seramai 67.4% daripada responden tidak bersetuju dengan menyatakan bahawa seseorang yang tidak menutup aurat merupakan seorang yang buruk akhlaknya. Seramai 85.8% responden pula dengan beranggapan sekiranya aurat seseorang tertutup maka, akhlak akan

terpelihara. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar muslimah yang memakai pakaian sepertimana yang dituntut oleh syariat akan menyebabkan adab dan tingkahlaku mereka akan terpelihara sebagaimana menurut Najhan Imamuddin (1997: 177), wanita yang memakai pakaian berkeadaan tidak menutup aurat dan dilihat oleh lelaki sama ada ia memalingkan muka ataupun tidak, mereka tidak masuk syurga dan tidak akan mencium baunya.

Seramai 96.5% berpendapat bahawa pakaian yang menutup aurat dapat menampilkan imej yang anggun pada pemakainya. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar muslimah akan merasa lebih menarik sekiranya memakai pakaian yang tidak seksi di hadapan khalayak ramai sepertimana menurut Mohd Safwan Amrullah (1996: 84) menyatakan bahawa menutup aurat dapat mencari keamanan dari fitnah dan akhlak yang buruk. Oleh itu, setiap muslimah disarankan memelihara maruah mereka daripada tercemar dengan memakai pakaian mengikut syariat Islam.

Seramai 85.8% menyatakan bahawa seseorang muslimah wajib memakai pakaian menutup aurat adalah disebabkan etika pemakaian Islam. Hal ini kerana syarat pemakaian yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu di sesebuah institusi pengajian tinggi mestilah diikuti oleh semua pelajar muslimah sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Siti Nur Iyana binti Ali yang bertajuk *'Penerimaan Terhadap Tuntutan Syarak Tentang Aurat Di Kalangan Wanita. Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia'* (2006), dengan mengatakan bahawa responden faham apa yang dikatakan sebagai aurat walaupun tidak mengetahui makna menutup aurat secara ilmiah. Mereka juga tahu apa yang dikatakan aurat sebagai contoh, kewajipan memakai tudung, tidak boleh memakai skirt pendek dan sebagainya.

Hasil kajian mendapati seramai 94.4% responden mengetahui bahawa wanita bukan Islam boleh melihat muka dan dua tapak tangan muslimah sebagaimana menurut Jaafar Salleh (2006), mengatakan bahawa aurat wanita muslimah dengan wanita bukan Islam adalah muka dan tapak tangan sahaja serta mereka juga tidak boleh memperlihatkan anggota yang lain kepada wanita bukan Islam.

Seramai 96.4% responden mengatakan bahawa aurat seorang muslimah ketika dalam solat adalah seluruh badan kecuali muka dan dua tapak tangan. Jelas di sini bahawa Islam juga turut mengambil berat mengenai persoalan adab dan peraturan ketika dalam solat. Menurut Rasyidah Rahman (2005), muslimah disuruh menutup seluruh anggotanya kecuali muka dan tapak tangan ketika dalam solat, walaupun solat secara sendirian, maka hukumnya mesti diikuti.

Seramai 99.3% responden mengatakan bahawa aurat seorang muslimah apabila berada dihadapan mahramnya adalah seluruh anggota badan termasuk rambut, leher, dua tapak dan kaki. Ini menjelaskan bahawa masih terdapat batasan aurat diantara seorang muslimah dengan mahramnya sepertimana menurut Jaafar Salleh (2007), beliau mengatakan bahawa ketika berhadapan dengan lelaki mahram, muslimah hendaklah menjaga dan menutup auratnya selain daripada pusat dan lutut supaya tidak menimbulkan ghairah terhadap lelaki walaupun mahramnya sendiri.

Seramai 95.2% responden bersetuju mengatakan aurat seorang muslimah dengan bukan mahramnya adalah seluruh anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Ini menunjukkan lelaki bukan mahram hanya di bolehkan melihat muka dan tapak tangan seorang muslimah sahaja dengan tujuan tertentu sepertimana yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Roslinda binti Sabiran yang bertajuk *'Persepsi pelajar darjah khas sekolah agama bandar penawar terhadap amalan menutup aurat'* (2007) dengan mengatakan bahawa apabila seorang individu yang mengetahui sesuatu hukum dan

melaksanakannya, dengan itu mereka akan mempunyai kefahaman yang tinggi berbanding dengan individu yang hanya mengetahui tetapi tidak mengamalkannya, maka nilai kefahaman mereka berada pada tahap rendah.

Majoriti pelajar iaitu seramai 96.5% mengatakan bahawa seorang muslimah memakai pakaian yang ketat dan nipis boleh menarik perhatian lelaki serta dapat menimbulkan fitnah. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Fathul Baari (1997), telah menyatakan bahawa sudah jelas Islam mengharamkan wanita memakai pakaian yang ketat dan nipis sehingga menampakkan tubuh badannya.

Seramai 94.3% responden mengatakan apabila seorang muslimah memakai pakaian yang menjolok mata dan wangian yang keterlaluan sebelum keluar dari rumah, maka ia akan menyebabkan berlakunya fitnah. Ini jelas menunjukkan bahawa dengan berpakaian sedemikian, nesjaya ia dapat menaikkan nafsu syahwat lelaki. Maka, berlakulah perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti perkosaan, percabulan dan perogolan sebagaimana menurut Menurut Jaafar Salleh (2007), pakaian menjolok mata adalah pakaian yang dipakai untuk bertujuan menarik perhatian lelaki, sama ada menunjukkan tubuh badan yang seksi atau menghiasi dengan pelbagai perhiasan adalah dilarang oleh Allah S.W.T .

Seramai 94.3% responden mengatakan bahawa mereka mengetahui batasan aurat seorang muslimah dengan muslimah yang lain antara pusat sehingga paras lutut. Ini jelas menunjukkan bahawa syariat Islam menetapkan hukum ini supaya maruah mereka terpelihara dengan sebaiknya. Menurut Jaafar Salleh (2006), apabila seorang muslimah berhadapan dengan muslimah yang lain, sebaik-baiknya hendaklah menjaga dan menutup auratnya untuk menjaga adab serta memperhalusi akhlaknya.

Seramai 90.7% daripada mereka mengetahui bahawa memakai sarung kaki adalah satu kewajipan yang di tuntutan oleh syarak. Hal ini selari dengan tuntutan syariat yang menyatakan kaki adalah sebahagian daripada aurat muslimah yang wajib di lindungi. Dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Nor Azliza bt Shariff yang bertajuk `Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat : Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru` (2005), dengan menyatakan bahawa memakai sarung kaki adalah satu kewajipan yang wajib di ketahui dan diamalkan oleh setiap muslimah.

Hasil kajian mendapati seramai 53.1% responden mengatakan bahawa mereka meminati pakaian yang tidak menyerlah warnanya semasa berada di khalayak awam sepertimana menurut Fathul Baari (2005: 32) mengatakan bahawa muslimah mestilah memilih warna-warna lembut termasuklah warna putih kerana ia nampak bersih dan warna tersebut sangat disenangi dan sering menjadi pilihan Rasulullah s.a.w. Warna yang lembut tidak dapat menarik perhatian kaum lelaki.

Majoriti daripada mereka iaitu seramai 83.0% menyatakan bahawa mereka selalu memakai wangian yang sederhana ketika keluar bersama rakan-rakan. Seramai 96.5% mengatakan muslimah dilarang memakai wangian yang keterlaluan hingga dapat menimbulkan daya tarikan lelaki. Ini selari dengan kehendak syariat yang menegah golongan muslimah memakai wangian yang berlebihan apabila berhadapan dengan kaum lelaki yang bukan mahramnya. Menurut Jaafar Salleh (2006 : 105) wanita muslimah dilarang memakai wangi-wangian pada waktu tertentu seperti ketika keluar rumah untuk ke majlis yang diluluskan syariat, dihadapan lelaki yang bukan muhram untuk tujuan memikat lelaki dan ketika pergi ke masjid untuk solat jemaah.

Bagi item yang terakhir, majoriti daripada mereka iaitu seramai 82.3% responden mengatakan bahawa mereka suka memakai tudung yang melepasi paras dada kerana ia dapat memberi keselesaan kepada mereka. Dengan memakai tudung sebegini akan mengelakkan

daripada menimbulkan fitnah terhadap orang yang memandangnya. Menurut Najhan Imamuddin (1997), terdapat sesetengah pendapat tentang perkara ini dengan mengatakan setiap orang bebas memilih dan tidak semua kaum muslimah memakai tudung. Bagi mereka bertudung juga tidak melambangkan kejernihan hati si pemakainya.

Rujukan

- Aminah Hj. Ali (2005) *Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat. Kajian Di sekolah Agama Bandar Baru Uda, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fathul Baari (1997) *Penjelasan Kitab Shahih Al-Bukhari*. Pustaka Azam.
- H.Rusydi Afif (1990). *Hamka Membalas Soal-Soal Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Gerhana.
- Hussein Bahreisy (1985). *Jawaban Islam*. Surabaya, Indonesia: Al-Ikhlash.
- Ishom Muhammad Asy-Syarif (2005). *Mengantar Muslimah Menuju Kaffah*. Al-Qowam.
- Jaafar Salleh (2006). *Batas-Batas Aurat Dan Pergaulan Serta Hukum Persolekan Dalam Islam*. Johor Darul Ta'zim: Pustaka Azhar.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi (1997) *Adab Sopan Dan Budi Pekerti Dalam Islam: Panduan Adab Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Md Izuddin Ali (2007). *Jaga Pandangan Orang*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Nor Azliza Shariff (2005) *Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat : Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru*.
- Paizah Hj Ismail (2004) *Aurat wanita : Konsep Dan Hukum Mengenalinya*.
- Rahmat Ismail (1997). *Sosial Satu Peradaban Dalam Kehidupan Manusia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Rasyidah Rahman (2005) *50 Hadis Tentang Jilbab*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Syed Zuhairi Syed Mohd (2002) *Kesedaran Menutup Aurat Di Kalangan Pelajar Tahun Empat di Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Yunos Sulaiman Mohd Zin @ Jin (2002) *Kecenderungan Pelajar Lelaki Memakai Pakaian Yang Tidak Menutup Aurat Semasa Bersukan. Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato` Mohd*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Yusuf Al-Qardawi (1995). *Fatwa Masa Kini, Jilid 5 dan 6*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Yusuf Al-Qardawi (1999). *Anatomi Masyarakat Islam*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar
- Zulkifli Mohd al-Bakri (2007). *Tak Salah Wanita Berpakaian Mengikut Adat*.